

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHL 353 - Kesusasteraan Arab Moden

Masa : [3 jam]

Pastikan kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Jawab SATU (1) soalan daripada Bahagian A, SATU (1) soalan daripada Bahagian B dan SATU (1) soalan daripada Bahagian C.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Novel Lorong Midaq karya Naguib Mahfuz mengetengahkan masalah rumah tangga Kirsha, Ridwan Husaini dan Salim Ulwan. Huraikan bagaimanakah pengarang menampilkan dan menjalinkan unsur-unsur kesusasteraan sehingga membentuk sebuah karya yang menarik?

(100 markah)

2. Kisah Abbas dan Hamidah yang masing-masing ingin mencuba penghidupan baru telah membawa kepada suatu tragedi kepada hidup mereka. Bincangkan bagaimanakah pengarang berjaya menghidupkan cerita itu seolah-olah perkara sebenar telah berlaku.

(100 markah)

BAHAGIAN B

3. Muhammad Abduh telah membuat kecaman terhadap keadaan jumud umat Islam di dalam esainya bertajuk "Menyeru Kepada Memperbaiki Masyarakat". Terangkan di dalam aspek apakah yang dimaksudkan oleh Muhammad Abduh dan cara berfikir yang bagaimanakah dikehendaki oleh Muhammad Abduh.

(100 markah)

4. Tuliskan dengan ringkas sejarah perkembangan kesusasteraan Arab moden dan bincangkan mengapakah pengkritik-pengkritik sastera mengatakan bahawa hasil karya di zaman permulaan kesusasteraan Arab moden bermutu rendah.

(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN C

5. Teliti puisi oleh Nazik Malaikah (lihat Lampiran) kemudian berikan kritikan anda sendiri dari segenap aspek.

(100 markah)

6. Di dalam drama "Nahr Al-Junun" karya Taufiq Al-Hakim, dua alam telah ditunjukkan kepada kita oleh pengarangnya, iaitu alam orang-orang waras dan alam orang-orang gila. Pada pendapat anda, golongan manakah yang berada di pihak kebenaran? Berikan kritikan anda dengan hujah-hujah yang konkrit.

(100 markah)

...4/-

LAMPIRAN

Ana (Aku)

oleh
Nazik al-Malaikah (lahir 1923)

Malam bertanya siapa Aku
Aku Rahsia gelisahnya yang datang dan gelap gelita.
Aku sunyi nya yang liar
Aku tutup perangaiku dengan diam.
Dan aku bungkus hatiku dengan syak wasangka
Aku berdiri tegak di sini
Aku memandang dan masa bertanya aku
Siapa dia Aku?
Angin bertanya siapa aku
Aku nyawanya yang bengong, yang tidak dikenali zaman,
Aku sepertinya, tiada tempat
Kami kekal berjalan tiada penghabisan.
Terus lalu, tidak tinggal
Apabila kami sampai ke selekoh,
Kami fikir itu celaka penghabisan
Tiba-tiba angkasa

Masa, bertanya siapa aku?
Aku sepertinya, gergasi perkasa menggulung masa
Dan aku kembali memberinya kebangkitan
Aku menjadikannya masa lepas yang jauh
Dari dugaan cita-cita mewah
Dan dia balik menolak Aku,
Membuat untuk ku kelmarin yang baru.
Dan besoknya bersalji.

Diri bertanya siapa aku?
Aku sepertinya, bengong memandang di dalam gelap
Tiada apa yang memberikan ku kedamaian
Aku terus bertanya dan jawabannya
Aku terus diselubungi kabus
Aku sangka ia menghampiri
Apabila aku sampai ia berkecai
Kemudian padam dan hilang

Dari buku "An Anthology of Modern Arabic Poetry", m.s. 78.

- oooOooo -